

# Masa depan Asean gemilang: Mahathir

23 JUL 1994

KUALA LUMPUR, Jumaat - Asean akan mencatatkan masa depan yang lebih gemilang pada abad akan datang terutama dari segi pertumbuhan ekonomi negara anggota, kata Datuk Seri Dr Mahathir, Mohamad.

Perdana Menteri juga berkeyakinan kekuatan nilai dan tradisi yang dikongsi bersama negara anggota Asean boleh menjamin masyarakat serantau yang bersatu pada masa depan.

Bagaimanapun, katanya, pemimpin Asean perlu mengatasi masalah asas iaitu kemiskinan, kesihatan dan pendidikan yang masih membelenggu kebanyakan negara anggota.

"Negara anggota harus menumpukan usaha mengatasi sebarang masalah yang sengaja diwujudkan oleh golongan tertentu bagi melemahkan kekuatan Asean sebagai sebuah kumpulan.

"Pada pandangan saya, perpaduan di kalangan anggota Asean boleh diwujudkan bukan saja melalui kekuatan tentera dan politik tetapi hubungan budaya dan perdagangan.

"Golongan yang patut diberi perhatian ialah belia. Ini boleh dilakukan melalui pelbagai program sosial dan akademik dengan matlamat melahirkan semangat Asean yang berterusan," katanya.

Perdana Menteri berharap negara anggota Asean akan terus melabur di bidang pendidikan selaras meningkatkan taraf kehidupan penduduk di samping menghadapi pembangunan pemikiran dan teknologi negara maju.

Beliau mencadangkan, Asean membuka pintu dan bekerjasama menyediakan kemudahan pendidikan di kalangan negara anggota di samping berkongsi kepakaran di bidang tek-

nologi. "Di samping itu, kita juga berhadapan dengan masalah jurang perbezaan di antara golongan kaya dan miskin malah beberapa masalah asas terbiar begitu saja," katanya ketika berucap di majlis penyampaian Anugerah Pencapaian Asean ke-3 anjuran Institut Asean di sini, malam ini.

Dr Mahathir mahu negara anggota Asean berkongsi kepakaran dan pengalaman bagi membolehkan rantau ini berdikari dari segi kekuatan ekonomi dan teknologi.

Menurutnya, langkah itu penting bagi mewujudkan masyarakat Asean yang bersatu di samping bersedia menghadapi ancaman antarabangsa berikutan pembangunan pesat di rantau ini.

"Kita menyedari ada usaha memperlahankan pembangunan serantau melalui penguatkuasaan piawai antarabangsa. Asean mesti bersatu bagi menahan serangan yang tidak sihat ini.

nologi.

"Bagi mencapainya, kita harus menggembleng semua sumber asas termasuk kekuatan penduduk. Sebagai aset paling berharga, penduduk Asean mempunyai kelebihan kerana berpegang kepada nilai dan tradisi," katanya.

Mengenai Forum Perniagaan Asean, Dr Mahathir berkata penubuhan forum ini terbukti berjaya apabila menyediakan pelaburan di antara negara anggota bernilai beratus juta ringgit.

"Saya bangga apabila mengetahui lebih 40 syarikat Malaysia menjadi ahli forum ini. Ia membuktikan sektor swasta boleh menjadi enjin kepada pembangunan komersil, idea dan inovasi serantau.

"Bagi pihak kerajaan, kita boleh menyediakan kemudahan dari segi politik, keselamatan dan infrastruktur tetapi ahli perniagaan bertanggungjawab mengeksploitasi peluang komersil di rantau ini," katanya.